

UNIMAS 13
CABARAN KE PUNCAH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
MULA / TAMAT



KASIM (tengah, biru) pada permulaan larian Peak Challenge.

Sukan Staf UMS ke-13 dilancar

DE 13-01-2013 12

KOTA KINABALU: Sukan Staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-13 dilancarkan secara rasmi oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Datuk Dr Hj. Kasim Hj. Md Mansur di Menara Kembar UMS pada petang Jumaat.

Acara Peak Challenge yang merupakan larian 4km ke puncak tapak UMS dimulakan sejurus selepas majlis perasmian.

Acara tahunan itu melibatkan sejumlah lapan pasukan dan 29 acara yang akan dipertandingan. Acara-acara lain hanya akan bermula pada 18 Januari manakala majlis penutupan bakal berlangsung pada 27 Januari.

Menurut Kasim, tujuan utama acara itu ialah untuk mewujudkan gaya hidup sihat di kalangan kakitangan bagi memastikan produktiviti sihat dalam tugas mereka.

Beliau menambah, acara tersebut juga adalah sebagai platform bagi memilih atlet ke Sukan Staf Borneo yang akan dianjurkan di UNIMAS dari 3 hingga 8 Februari dan Sukan Staf IPTA pada Julai.

Juga hadir pada majlis perasmian ialah Pendaftar UMS dan pengerusi penganjur acara Datuk Abdullah Hj. Mohd. Said dan ketua jabatan Sukan Asraf Abdullah. - **GL Oh**